

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MINAT MAHASISWA KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN

Noraznida Husin dan Nor Izzati Hairol Azman

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, Bangi, Selangor, Malaysia

noraznida@kuis.edu.my

Abstrak

Kerjaya sebagai seorang usahawan semakin maju pada masa kini seiring dengan seruan kerajaan yang banyak memberi dorongan dan bantuan kepada rakyat Malaysia. Kebanyakan remaja mula berminat untuk berkecimpung di dalam bidang keusahawanan sejak di peringkat sekolah atau pengajian tinggi. Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi minat mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dalam bidang keusahawanan dan mengenalpasti faktor yang paling dominan. Seramai 226 responden dipilih secara rawak yang terdiri daripada pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda sepenuh masa yang aktif sesi II 2016/2017. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah melalui borang soal selidik yang dibina bagi menjawab persoalan kajian untuk menentukan faktor yang mempengaruhi minat mahasiswa KUIS dalam bidang keusahawanan. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan *Statistics SPSS* versi 22. Hasil kajian menunjukkan faktor pendidikan, faktor personaliti peribadi dan faktor latar belakang keluarga mempunyai hubungan positif terhadap minat mahasiswa dalam bidang keusahawanan. Regresi linear telah digunakan untuk mengenalpasti faktor yang paling dominan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pendidikan, personaliti peribadi dan latar belakang keluarga dengan minat mahasiswa KUIS dalam bidang keusahawanan. Faktor personaliti peribadi menunjukkan nilai r yang paling tinggi iaitu $r=0.724$. Didapati faktor paling dominan yang mempengaruhi minat mahasiswa KUIS dalam bidang keusahawanan ialah faktor personaliti peribadi. Kajian ini diharapkan dapat membantu dan dimanfaatkan oleh pihak-pihak tertentu dalam usaha untuk menarik minat mahasiswa dalam bidang keusahawanan.

Kata Kunci: Keusahawanan, Mahasiswa, Pendidikan, Personaliti, Minat

Abstract

Nowadays, entrepreneurship is moving at fast, in line with the government drives and efforts encouraging Malaysians to consider entrepreneurs as a main career. Most teens are interested in being involved in entrepreneurship since school or higher education level. Thus, the objective of this research is to identify the factors that influence International Islamic University College Selangor (IIUCS) students in entrepreneurial activity and to identify the most influence factors. In this research, only 226 respondents were selected which are full time student of diploma and degree session II 2016/2017. The instrument that had been used in this research is using the questionnaires to answer the research questions to determine the factors that influence the IIUCS's student in entrepreneurial activity. The data of this research had been collected using the *Statistics SPSS* version 22. The findings show that education, personal character and family background factors have a positive relationship to the students' interest in entrepreneurship.. The linear regression

had been used to find the most influence factors. Personal character factor shows the highest r with value of $r = 0.724$. The most dominant factor affecting the interest of KUIS students in the field of entrepreneurship is personal character. This study is expected to help and exploited by certain parties in an effort to attract student in the entrepreneurial activity.

Keyword: Entrepreneurial, Students, Education, Personal Character, Personal Interest.

1.0 PENGENALAN

Bidang keusahawanan merupakan satu bidang yang sangat penting dalam menjana pembangunan dan ekonomi sesebuah negara. Hal demikian kerana bidang keusahawanan merupakan suatu bentuk disiplin yang menjadi tonggak kepada pembangunan sesebuah negara dan masyarakat yang mempunyai usahawan yang ramai akan dianggap masyarakat yang paling baik (Norita, 2007). Di Malaysia juga bidang keusahawanan semakin mendapat tempat dalam kalangan rakyat Malaysia. Ia dilihat telah berkembang pesat dan merupakan bidang yang telah diberi tumpuan dan perhatian yang lebih oleh pihak kerajaan sejajar dengan matlamat untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020. Salah satu inisiatif kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah dengan menggalakkan pembangunan kurikulum keusahawanan di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Keusahawanan dilihat mampu membantu kerajaan dalam menangani isu pengangguran, membuka ruang pekerjaan kepada masyarakat, meningkatkan tahap sosio ekonomi sesebuah masyarakat dan mengurangkan jurang di antara golongan berada dan miskin (Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020).

2.0 PENYATAAN MASALAH

Kerajaan seringkali menyarankan agar masyarakat membuat kerja sendiri tanpa mengharapkan bantuan daripada orang lain untuk menyara diri dan keluarga. Secara tidak langsung, ia menggalakkan masyarakat untuk berniaga dan menjadi usahawan. Seseorang usahawan muncul bukan kerana memiliki personaliti sejak dilahirkan atau semulajadi, tetapi kerana pelbagai faktor lain. Dengan adanya bidang keusahawanan ini ia dapat menambahkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia sekaligus budaya makan gaji dapat dikurangkan (Norfadhilah & Halimah, 2010). Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi minat mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dalam bidang keusahawanan. KUIS merupakan salah satu IPTS yang juga mempunyai matapelajaran keusahawanan yang majoritinya perlu diambil oleh setiap pelajar di semua fakulti. Pelajar telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan keusahawanan dalam memenuhi tugas yang diberikan oleh pensyarah. Rentetan itu, didapati ramai di kalangan pelajar sangat berminat untuk menjalankan perniagaan dan menyewa tapak gerai jika terdapat program yang dianjurkan oleh pihak pengurusan dan juga pihak fakulti. Terdapat juga segelintir pelajar yang bergiat aktif dalam perniagaan di sekitar kawasan KUIS. Justeru itu, terdapat dua objektif di dalam kajian ini, iaitu:

- (a) Mengenalpasti hubungan antara faktor yang mempengaruhi minat mahasiswa KUIS dalam bidang keusahawanan.
- (b) Mengenalpasti faktor paling dominan yang mempengaruhi minat mahasiswa KUIS dalam bidang keusahawanan.

3.0 KAJIAN LITERATUR

3.1 Konsep Usahawan Dan Keusahawanan

Usahawan merupakan individu yang banyak menyumbangkan pendapatan negara melalui perniagaan yang mereka usahakan. Tambahan pula jika perniagaan itu dikembangkan sehingga ke luar negara secara tidak langsung ia dapat memperlihatkan kebolehan usahawan Malaysia diperingkat yang lebih tinggi. Menurut Kruger dan Carsrud (1993) seseorang yang ingin menjadi usahawan, dia perlulah memberi sepenuh tumpuan dalam memulakan perniagaan yang baru. Hal ini demikian kerana, menjadi seorang usahawan bukanlah perkara yang mudah. Mereka hendaklah sentiasa berdisiplin dalam setiap langkah yang diambil.

Perkataan usahawan berasal daripada perkataan perancis “*entrepredre*” yang bermaksud untuk mengambil alih. Sacrborough dan Zimmerer (1998) telah mendefinisikan usahawan sebagai individu yang mencipta sesuatu perniagaan baru dan berani untuk menanggung risiko yang bakal berlaku untuk mendapatkan keuntungan dan mencari peluang yang ada untuk jaminan perniagaan pada masa akan datang. Usahawan juga boleh didefinisikan sebagai seorang yang mempunyai usaha dan berani untuk membuat perubahan ekonomi secara berdikari. Seorang usahawan juga perlu mempunyai idea yang kreatif untuk memperoleh sumber-sumber baru yang bertujuan untuk mendapatkan keuntungan (Kurotko dan Hodgetts, 2004). Usahawan yang berjaya mempunyai visi dan misi untuk perniagaannya kerana mereka mempunyai cita-cita untuk berjaya di atas usaha sendiri (Erinawati Aliza, 2014).

Menurut Histrich dan Peter (1988), keusahawanan adalah proses dalam mencipta kekayaan oleh seseorang yang mempunyai keberanian untuk menanggung risiko yang bakal dihadapinya dalam memulakan sesuatu perniagaan. Mereka juga perlu berkorban masa dan tenaga untuk menjadi seorang usahawan yang dapat memberi kepuasan peribadi dan keuntungan sebagai suatu lambang kejayaan. Dalam bidang keusahawanan ini mereka perlu menerima pelbagai risiko daripada segi kewangan, masalah daripada masyarakat dan perlu kuat fizikal serta mental. Suatu proses inovasi dan penciptaan yang mempunyai empat dimensi iaitu individu, organisasi, alam sekitar dan proses yang berkaitan dengan kerajaan, pendidikan dan pelembaan juga boleh ditakrifkan sebagai keusahawanan (Kurotko dan Hodgetss, 2007).

Menurut Dato’ Seri Ir Zaini Ujang (2015), mahasiswa perlu mencari peluang untuk menjadi usahawan walaupun masih menuntut di IPTA mahupun di IPTS kerana ia dapat memberi peluang kepada mahasiswa untuk menjana pendapatan sendiri apabila sudah tamat belajar. Menurut beliau lagi, dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025, terdapat 10 lonjakan yang diketengahkan dan lonjakan yang pertama adalah melahirkan graduan yang bercirikan keusahawanan. Mahasiswa juga disarankan untuk menyertai program-program yang boleh melengkapkan diri sebagai persediaan untuk menjadi seorang usahawan.

3.2 Faktor Yang Mempengaruhi Minat Menceburi Bidang Keusahawanan

Minat terhadap bidang keusahawanan boleh dipupuk melalui pendidikan keusahawanan yang dapat memberi peluang dan manfaat kepada individu yang akan memilih keusahawanan sebagai pekerjaan mereka kelak. Minat ini perlu dipupuk dari peringkat sekolah rendah, menengah dan seterusnya ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) agar mereka memperoleh pendedahan awal tentang keusahawanan (Erinawati, 2014). Menurut Yap (2000), bidang keusahawanan ini memberi peluang kepada individu untuk merebut peluang

perniagaan yang belum diterokai oleh mana-mana pihak yang perlu dilihat daripada segi persekitaran, permintaan pengguna serta peka dengan perubahan semasa.

Di peringkat sekolah rendah lagi kita telah didedahkan dengan pelajaran kemahiran hidup yang memperkenalkan kita tentang proses-proses untuk mengendalikan perniagaan serta sikap yang perlu dimiliki oleh setiap usahawan (Mohd Shahrir, 2015). Ia sebagai perkara asas dan panduan dalam mempraktikkan dalam kehidupan seharian. Namun demikian, pelajaran ini diteruskan ke peringkat menengah dalam subjek perdagangan. Dalam subjek ini telah disentuh berkaitan pengurusan perniagaan secara tidak langsung. Ia juga sebagai pelajaran elektif yang memberi pilihan kepada pelajar yang berminat untuk mendalami ilmu keusahawanan. Pendidikan dalam bidang keusahawanan menjadi penting dalam kurikulum di institusi pendidikan tinggi di Malaysia. Kurikulum merupakan dasar dalam penggubalan sukatan atau isi pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi. Kurikulum yang sesuai dan menarik boleh mengubah tanggapan dan menarik minat pelajar terhadap sesuatu pelajaran (Rosni & Norfazila, 2010). Kurikulum memainkan peranan yang penting dalam memupuk semangat, minat, sifat-sifat kemahiran dan pengetahuan untuk membawa pelajar ke arah mencapai matlamat atau kejayaan supaya menjadi seorang usahawan seiring dengan keperluan dan matlamat pembangunan negara. Selain itu, menurut Jones dan Iredale (2010) menyatakan bahawa pendidikan itu penting dalam memulakan sesuatu pekerjaan dan perniagaan. Pengetahuan yang tinggi dalam memulakan perniagaan mampu membangunkan ekonomi dalam menambah peluang pekerjaan (Hisrich & Drnovsek, 2002; Wolnicki, 2006). Individu yang melibatkan diri dalam program-program keusahawanan dapat menambah ilmu pengetahuan serta menambahbaik kemahiran sedia ada.

Sikap yang ada pada individu juga membolehkan mereka untuk menjadi usahawan yang berjaya tanpa paksaan daripada mana-mana pihak. Menurut Mohammad Ismail (2009), beliau menyatakan bahawa terdapat lima personaliti yang perlu ada dalam diri seorang usahawan iaitu kelebihan, penerimaan, kesedaran, keterbukaan dan neurotism. Melalui lima personaliti ini, usahawan dapat menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan dan situasi semasa bekerja dan akan lebih tertarik untuk mendalami bidang keusahawanan kerana lebih berpuas hati untuk kerja yang dilakukan. Keyakinan terhadap diri sendiri itu penting kerana ia akan mempengaruhi kejayaan seseorang. Jika keyakinan terhadap diri itu rendah, mereka akan cenderung untuk berputus asa (Robinson et al, 1991). Seorang usahawan perlu bersedia untuk berfikir dan mencari peluang baru dalam mengatasi masalah dan memperluaskan perniagaan.

Keluarga juga merupakan sumber kekuatan bagi seorang usahawan dalam menggalakkan kredibiliti keusahawanan. Terdapat sesetengah individu yang berminat di dalam bidang keusahawanan adalah disebabkan latar belakang keluarga yang mempunyai perniagaan sendiri untuk diwarisi generasi akan datang. Hal ini turut disokong oleh Nor Aishah (2002) bahawa wujudnya perkaitan yang agak kuat antara kerjaya keluarga dengan pemilihan kerjaya individu di dalam bidang keusahawanan. Kebanyakan ibu bapa atau penjaga mahasiswa bukan dari kalangan yang berpendapatan lumayan. Oleh itu, secara tidak langsung keadaan ini mempengaruhi minat responden dalam pembelajaran, minat responden dalam kerjaya atau kerja sampingannya. Krueger (1993) menyatakan bahawa ibu bapa yang merupakan seorang usahawan akan lebih cenderung diikuti oleh anak-anaknya untuk mendalami bidang keusahawanan. Pekerjaan ibu bapa seseorang usahawan juga mampu mempengaruhi anak-anaknya kerana mereka akan menggunakan pengalaman yang diperolehi daripada ibu bapa mereka untuk dipraktikkan di dalam bidang keusahawanan. Sokongan dan galakan daripada keluarga, saudara-mara dan kawan-kawan membantu dalam membangunkan perniagaan yang dilakukan sama ada daripada segi modal atau maklumat berkaitan perniagaan yang dijalankan (Luthje & Franke, 2003). Pemupukan budaya keusahawanan di kalangan pelajar dapat merangsang dan memotivasikan pelajar ke arah

kerjaya yang lebih terjamin dan berdaya saing seterusnya budaya makan gaji dapat dikurangkan.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Secara keseluruhan kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Borang soal selidik diedarkan kepada mahasiswa KUIS yang menjalankan perniagaan di dalam kawasan KUIS. Sebanyak 260 set soal selidik diedarkan kepada mahasiswa KUIS. Hanya 232 set sahaja yang diterima (89.23%) sementara 6 set (2.30%) daripada jumlah tersebut merupakan set soal selidik yang tidak dijawab dengan lengkap. Sebanyak 226 (86.92%) set soal selidik yang boleh digunakan untuk kajian ini. Maklumat yang diperoleh meliputi profil responden seperti jantina, jurusan pengajian, tajaan pengajian, latar belakang pekerjaan ibu bapa dan pengalaman dalam bidang keusahawanan. Item-item soal selidik menggunakan skala Likert 5 poin dengan skor (1) Sangat tidak setuju, (2) Tidak setuju, (3) Sederhana, (4) Setuju dan (5) Sangat setuju.

5.0 DAPATAN KAJIAN

5.1 Analisis Taburan Demografi Responden

Berdasarkan taburan jantina responden didapati peratus mahasiswa lelaki adalah sebanyak 38.90% manakala 61.10% adalah mahasiswa perempuan. Responden yang berumur 18 tahun hingga 20 tahun mempunyai peratus yang paling tinggi iaitu sebanyak 45.10%. Kemudian, diikuti pula umur 21 tahun hingga 23 tahun iaitu 35%. Hanya 19.90% sahaja responden yang berada pada umur 24 tahun dan ke atas. Peratus responden untuk peringkat pengajian diploma ialah 26.10%. Manakala bagi peringkat pengajian ijazah sarjana muda pula mencatatkan nilai peratus paling tinggi iaitu 73.90%. Seramai 128 responden atau 56.6% responden meneruskan pengajian dengan bantuan PTPTN, diikuti tajaan MARA sebanyak 17.30% yang mewakili seramai 39 responden.

Seterusnya jenis tajaan pengajian bagi zakat pula hanya sebanyak 38 responden atau 16.80%. Bagi jenis tajaan pengajian lain-lain seperti KSWP dan tanggungan ibu bapa atau penjaga) pula sebanyak 21 responden yang mewakili 9.30% sahaja. Dapatan kajian yang dilakukan menunjukkan mahasiswa KUIS bijak mencari peluang perniagaan dan berdikari untuk mendapatkan duit bagi menampung perbelanjaan untuk meneruskan pengajian di KUIS. Di samping itu juga, walaupun mahasiswa KUIS mempunyai sumber kewangan seperti PTPTN, MARA, ZAKAT, dan lain-lain namun minat terhadap bidang keusahawanan tidak menghalang mereka untuk membuat perniagaan kerana hasil yang diperolehi digunakan untuk simpanan sewaktu kecemasan dan sebagainya. Sebanyak 51.30% daripada responden majoriti mempunyai pengalaman dalam bidang keusahawanan. Manakala, selebihnya 48.71% tidak mempunyai pengalaman dalam bidang keusahawanan. Bagi responden yang mempunyai pengalaman dalam bidang keusahawanan, mereka membantu keluarga dalam menguruskan perniagaan, menguruskan program berkaitan usahawan semasa di peringkat sekolah hingga ke universiti.

5.2 Analisis Deskriptif Skor Min

Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan pemboleh ubah bersandar iaitu minat terhadap bidang keusahawanan berada pada nilai minimum 1.92 dan nilai maksima pula ialah 4.69. Skor min bagi minat ialah 3.61 dan berada pada tahap sederhana. Bagi pemboleh ubah tidak bersandar iaitu faktor pendidikan, personaliti peribadi dan latar belakang masing-masing mempunyai

skor min sebanyak 3.48, 3.73 dan 3.60. Skor min bagi faktor personaliti peribadi menunjukkan tahap yang paling tinggi berbanding faktor pendidikan dan latar belakang keluarga yang masing-masing berada pada tahap sederhana.

Jadual 1: Ujian Deskriptif Pemboleh Ubah

Pemboleh Ubah	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Minat Terhadap Bidang Keusahawanan	1.92	4.69	3.61	0.50	Sederhana
Faktor Pendidikan	1.63	4.88	3.48	0.57	Sederhana
Faktor Personaliti Peribadi	1.40	5.00	3.73	0.60	Tinggi
Faktor Latar Belakang Keluarga	1.50	5.00	3.60	0.68	Sederhana

5.3 Analisis Ujian Korelasi Pearson

Ujian korelasi digunakan untuk mengenalpasti hubungan setiap pemboleh ubah. Korelasi Pearson digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Penentuan kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar dapat dilihat pada nilai julat atau nilai pekali *Pearson Correlation (r)* iaitu di antara -1.00 kepada + 1.00.

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis korelasi antara faktor pendidikan, personaliti peribadi dan latar belakang keluarga terhadap minat mahasiswa KUIS dalam bidang keusahawanan. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan positif antara minat dalam bidang keusahawanan dengan faktor pendidikan ($r = 0.601$), personaliti peribadi ($r = 0.724$) dan latar belakang keluarga ($r = 0.613$). Keputusan korelasi antara faktor pendidikan dan minat mahasiswa KUIS dalam bidang keusahawanan menunjukkan nilai yang berada pada tahap tinggi. Hasil analisis korelasi bagi faktor personaliti peribadi dan minat mahasiswa KUIS dalam bidang keusahawanan pula menunjukkan nilai $r = 0.724$.

Jadual 2: Hubungan antara faktor yang mempengaruhi minat mahasiswa dalam bidang keusahawanan

		PB	PC1	PC2	PC3
Minat Terhadap Bidang Keusahawanan (PB)	Kolerasi Pearson	1	.601**	.724**	.613**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.000
	N	226	226	226	226
Faktor Pendidikan (PC1)	Kolerasi Pearson	.601**	1	.756**	.536**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000	.000
	N	226	226	226	226
Faktor Personaliti Peribadi (PC2)	Kolerasi Pearson	.724**	.756**	1	.617**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000		.000
	N	226	226	226	226
Faktor Latar Belakang Keluarga (PC3)	Kolerasi Pearson	.613**	.536**	.617**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	
	N	226	226	226	266

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

PB: Pemboleh ubah Bersandar

PC: Pemboleh ubah Tidak Bersandar

5.4 Analisis Regresi Berganda

Jadual 3 menunjukkan analisis regresi berganda dengan menggunakan SPSS. Regresi berganda digunakan untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar sama ada positif atau negatif serta mengenalpasti faktor yang paling dominan terhadap minat mahasiswa dalam bidang keusahawanan. Hasil analisis mendapati

faktor yang paling dominan terhadap minat mahasiswa KUIS dalam bidang keusahawanan ialah faktor personaliti peribadi dengan nilai beta, $\beta = 0.417$. Manakala faktor latar belakang keluarga dan pendidikan masing-masing mencatatkan nilai $\beta = 0.191$ dan $\beta = 0.072$ terhadap minat mahasiswa dalam bidang keusahawanan. Justeru itu, faktor personaliti merupakan faktor yang paling dominan terhadap minat mahasiswa dalam bidang keusahawanan.

Jadual 3: Analisis Regresi Berganda

Model		Koefision tidak terpiawaian		Koefision terpiawaian	T	Sig.
		β	Std. Error	Beta		
1	Minat	1.119	.150		7.465	.000
	Pendidikan	.072	.059	.083	1.219	.224
	Personaliti Peribadi	.417	.060	.501	6.888	.000
	Latar Belakang keluarga	.191	.041	.260	4.605	.000

6.0 KESIMPULAN

Keseluruhannya, kedua-dua objektif kajian ini telah dicapai daripada hasil analisis yang dibuat menggunakan perisian SPSS. Secara ringkasnya, didapati hubunagan positif wujud di antara minat mahasiswa KUIS dengan faktor pendidikan, faktor personaliti peribadi dan faktor latar belakang keluarga. Seterusnya, objektif yang kedua juga telah dicapai di mana didapati faktor yang paling dominan terhadap minat mahasiswa KUIS dalam bidang keusahawanan ialah faktor personaliti peribadi. Walaubagaimanapun, setelah menjalankan kajian ini, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang ingin dikemukakan. Antaranya ialah mengenalpasti faktor-faktor lain yang mempengaruhi minat mahasiswa KUIS dalam bidang keusahawanan selain daripada faktor pendidikan, personaliti peribadi dan latar belakang keluarga. Memandangkan mahasiswa KUIS mempunyai pengetahuan yang kurang tentang keusahawanan, adalah wajar jika mahasiswa didedahkan dengan seminar atau program khusus untuk meningkatkan kemahiran dan seterusnya meningkatkan taraf kehidupan dengan menceburi bidang keusahawanan.

7.0 RUJUKAN

- Eriniwati, A. M. (2014). Faktor yang Mendorong Kecenderungan Pelajar Kolej Vokasional ke Arah Bidang Keusahawanan. 1-24.
- Kuratko & Hodgetts (2007). *Entrepreneurship: Theory, Process, Practice*. USA: South Western Cengage Learning.
- Ismail, M., Khalid, S. A., Othman, M., Kamaruzzaman, J., Norshimah, A. R., Kassim, K. M., & Zain, R. S. (2009). Entrepreneurial Intention among Malaysian Undergraduates. 4(10). 54-60.
- Luthje, C., & Franke, N. 2003. The Making of an Entrepreneur: Testing a Model of Entrepreneurial Intention Among Engineering Students at MIT. *R&D Management*, 33(2). 135-147.
- Mohd, S. A. (2015). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pelajar-Pelajar Diploma Kejuruteraan Politeknik dalam Menceburi Bidang Keusahawanan. 1-25.
- Noorani, O. & Soleha, M. Persepsi Terhadap Faktor-faktor yang Mempengaruhi Minat Pelajar 4SPH dalam Bidang Keusahawanan. 1-9.
- Norfadhilah, N. & Halimah, H. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1). 11-17.

- Norita Deraman et al. (2007). *Keusahawanan*. Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Jones, P., Miller, C., Jones, A., Packham, G. & Pickernell, D. (2011). Attitudes and Motivations of Polish Students Towards Entrepreneurial Activity. *Education and Training*. 53(5). 0040-0912:416-432.
- Rosni, Z. S., & Norfazila, A. B. (2010). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Minat Pelajar Tahun Akhir Terhadap Bidang keusahawanan di UTM. 1-9.
- Zimmerer, W. T dan Sacrborough, N.M. (1998). "Essential of Entrepreneurship and Small Business Management." New Jersey : *Prentice Hall*.